

Bil. ( ) dlm. P.Kew.N.Pk.D.R. 50/1/4/3



Semua Pegawai Pengawal  
Negeri Perak Darul Ridzuan

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK  
BIL. 1 TAHUN 2012**

**PENYEDIAAN CADANGAN BAJET 2013 DAN BATAS  
PERBELANJAAN BAJET 2013**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan bajet mengurus dan pembangunan tahun 2013.

**PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL**

2. Semua Pegawai Pengawal diminta untuk menyediakan anggaran hasil bagi tahun 2013 dengan mengambil kira prestasi tahun 2011 dan prestasi tahun semasa serta potensi/keupayaan peningkatan hasil untuk tahun 2013.

3. Bagi hasil berkaitan tanah, anggaran hasil akan diambil kira berdasarkan cadangan yang akan dikemukakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak.

## **PENYEDIAAN CADANGAN BAJET MENGURUS**

4. Semua Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Batas Perbelanjaan dan pengecualian tidak akan diberikan. Semua perbelanjaan yang termasuk dalam definisi **Dasar Sedia Ada** hendaklah dirangkumkan dalam Batas Perbelanjaan. Batas Perbelanjaan ini tidak terpakai untuk maksud Tanggungan.
5. Cadangan Bajet untuk melaksanakan **Dasar Baru** dan **One-Off** hendaklah dikemukakan secara berasingan. Semua cadangan Perbelanjaan Mengurus perlu mengikut format yang sama seperti Cadangan Anggaran tahun 2012.
6. Pengiraan Batas Perbelanjaan tahun 2013 adalah menggunakan formula seperti berikut :

$$BP\ 2013 = DSA\ 2012 - BP2011 + \{13\% \ PSG2011 + 5\% \ KE2012 + KC2013\}$$

DSA	=	Dasar Sedia Ada
BP	=	Peruntukan Tidak dibelanjakan 2011
PSG	=	Perbelanjaan Sebenar Gaji
KE	=	Kenaikan Emolumen
KC	=	Kenaikan Cola

7. Pegawai Pengawal perlu memberi perhatian terhadap keperluan sebenar jabatan dan memastikan peruntukan yang mencukupi disediakan terutama perbelanjaan seperti emolumen, sewaan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan dan perkhidmatan kontrak pembersihan/kawalan keselamatan.

## **PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

8. Cadangan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013 disediakan berdasarkan senarai projek yang telah **diluluskan** di dalam **RMKe-10** dengan memberi keutamaan kepada projek-projek sambungan. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan yang diperlukan.

## **PENYAMPAIAN CADANGAN BAJET 2013**

9. Pegawai Pengawal hendaklah meneliti dan menyemak cadangan bajet yang disediakan di peringkat jabatan sebelum dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri melalui sistem, mengikut format yang disediakan dalam Sistem SPEKS Modul Bajet di samping mengemukakan dalam bentuk dokumen sebelum atau pada **21 Mei 2012** seperti berikut:

- i. Dua (2) salinan hard copy cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Format BM 5);
- ii. Dua (2) salinan hard copy cadangan Anggaran Hasil (Format AH1, AH2, dan AH3);
- iii. Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan salinannya ke Pejabat Kewangan Negeri.
- iv. Ringkasan cadangan Dasar Baru/'One Off' 2013 dalam bentuk 'soft copy' dan hard copy menggunakan format Microsoft Excel.

## **PENUTUP**

10. Pegawai Pengawal diminta memberi kerjasama dalam memastikan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2013 dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

## **'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah



(**DATO' HAJI MOHD. GAZALI BIN JALAL**)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 7 Mei 2012

s. k. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi Negeri  
Perak Darul Ridzuan.